

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 23.07.2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengehadkan kelulusan lesen kepada individu atau syarikat yang menjual gas LPG bersubsidi atau LPG Industri sahaja dan bukan kedua-duanya sekali sebagai langkah membendung sindiket penyelewengan subsidi LPG.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian tidak mengehadkan kelulusan Kebenaran PDA mengikut jenis LPG sama ada bersubsidi atau tanpa subsidi. Sebagai langkah membendung sindiket penyelewangan subsidi LPG, Kementerian sentiasa melaksanakan penguatkuasaan secara berkala dan sekiranya terdapat apa – apa ketidakpatuhan, pemegang lesen boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1964.

Sekian, terima kasih.